#### Meneruskan Semangat Ramadan Sepanjang Zaman

الله أكبر × ٩ كالى

الله أكبر مَا تَعَالَتْ أَصْوَاتُ النَّاسِ بِالتَّكْبِيْرْ

الله أكبر مَا تَفَتَّحَتْ أَبْوَابُ السَّمَاءَ فِي هَذَا الصَّبَاحِ الْكَبِيْرُ الله أكبر مَا تَفَرَّلَتْ عَلَيْنَا رَحْمَةُ الْإِلَهِ الْعَلِيِّ الْقَدِيْرُ الله أكبر مَا تَنَزَّلَتْ عَلَيْنَا رَحْمَةُ الْإِلَهِ الْعَلِيِّ الْقَدِيْرُ الله أكبر مَا تَقَارَبَتْ قُلُوبُ الْمُسْلَمِيْنَ فِي هَذَا الْيَوْمِ الْمُنِيْرُ الله أكبر مَا تَقَارَبَتْ قُلُوبُ الْمُسْلَمِيْنَ فِي هَذَا الْيَوْمِ الْمُنِيْرُ الله أكبر مَا تَقَارَبَتْ أَلُهُ أَكْبَرُ ، الله أكبر مَا لله أَكْبَرُ ،

لاَ إلَــهَ إلاَّ الله و الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ وَللَّه الْحَمْدُ .

ٱلْحَمْدُ لِلّهِ الَّذِي أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيْقْ ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلَمَةَ الْحَقِّ وَالتَّصْدِيْقُ ، وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّة وَطَرِيْقْ ، وَجَعَلَهُمْ وَالتَّصْدِيْقُ ، وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّة وَطَرِيْقْ ، وَجَعَلَهُمْ بِرَحْمَته خَيْرَ أُمَّة وَفَرِيْقْ ، أَحْمَدُهُ عَلَى النَّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا ، وَأَشْكُرُهُ عَلَى النَّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا ، وَأَشْكُرُهُ عَلَى النَّعْمَةِ الَّتِي بِهَا هَدَانَا .

وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهْ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ، وَلَاَيْهُ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَن اهْتَدَى بِهَدْيهْ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوْصِي نَفْسِيْ وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهْ. اللَّهِ وَطَاعَتِهْ.

Muslimin Muslimat yang saya kasihi.

mulia ini marilah bersama-sama kita Pada pagi yang mempertingkatkan kepada ketakwaan kita Allah s.w.t. segala perintah-Nya Laksanakan dan iauhi segala laranganNya. Ketahuilah, bahawa kejayaan bagi seorang mukmin itu ialah apabila dia berjaya meneruskan kehidupannya dengan berlandaskan perintah Allah dan Rasul-Nya. Hanya melalui mentaati Allah dan RasulNya, kita bakal meraih kejayaan yang nyata. Allah berfirman dalam surah Al-Jathiyah ayat ke 30:

Yang bermaksud: "Adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan dimasukkan oleh Tuhan mereka ke dalam rahmat-Nya; yang demikian itu ialah kemenangan yang besar".

Oleh itu, seorang Mukmin seharusnya dapat merasakan peningkatan dalam jiwa dan keperibadiannya, hasil daripada latihan puasa sebulan lamanya. Setiap Mukmin pada hari ini menikmati satu keindahan yang tidak ada bandingannya, yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

### Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Maʻasyiral Muslimin wa zumratal Mukminin rahimakumullah, Dengan datangnya bulan Syawal, kita diingatkan bahawa Ramadan telahpun pergi meninggalkan kita - Pergi dengan pelbagai kelebihan dan keistimewaannya, seperti ibadah puasa, kemanisan berterawih pada setiap malam, serta fadilat malam Lailatul Qadar. Segala kelebihan tersebut belum pasti lagi dapat kita kecapi pada tahun-tahun yang mendatang. Walaupun sedemikian, seharusnya kita ini bukan hanya menangisi pemergian bulan Ramadan, akan tetapi seharusnya kita terus berusaha untuk meneruskan semangat Ramadan dengan membudayakan amalan-amalan di bulan Ramadan dalam kehidupan kita seharian.

Sebagai contoh, sekiranya dalam Ramadan kita berpuasa, apakah tidak mungkin kita ini melaksanakan ibadah puasa sunnah sepanjang tahun? Sekiranya di bulan Ramadan kita membayar zakat, maka berusahalah untuk memperbanyakkan sedekah apabila kita memiliki kemampuan untuk melaksanakan sedemikian. Sekiranya di bulan Ramadan kita sering berterawih, maka seharusnya kita menghidupkan sebahagian dari malam kita di luar Ramadan, dengan melaksanakan solat tahajjud.

Inilah yang dimaksudkan sebagai menjadikan amalan-amalan di bulan Ramadan sebagai budaya dalam kehidupan kita. Saidatina Aisyah r.a. pernah menyifatkan amalan Nabi s.a.w. lalu berkata:

### كَانَ عَمَلُهُ دِيمَةً

Yang bermaksud: "Sesungguhnya amalan Nabi s.a.w. itu, adalah secara berterusan (konsisten)". [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Oleh itu saudaraku sekalian, marilah kita mencontohi Rasulullah dengan membiasakan diri dalam s.a.w. melaksanakan sesuatu amalan secara berterusan dan konsisten.

Saudara saudari yang kasihi,

Sejajar dengan ini kita juga perlu memastikan bahawa segala nilai-nilai yang telah kita pelajari bersama sepanjang bulan Ramadan tahun ini diterjemahkan dalam kehidupan kita seharian di luar Ramadan juga.

Sepanjang bulan Ramadan kita telah diingatkan akan kepentingan membina sebuah **keluarga** yang menghayati **nilainilai Islam** yang murni berdasarkan **ilmu** yang muktabar,

keluarga yang mengenal cinta Allah dan Rasul-Nya, keluarga yang mengamalkan agama berdasarkan Al-Quran dan sunnah Baginda Muhammad s.a.w., keluarga yang mengenali nilai-nilai agama, seperti berkata benar, amanah, sabar dan sebagainya. Lalu nilai-nilai tersebut terzahir dalam kehidupannya seharian. Inilah mesej bulan Ramadan yang telah kita hayati bersama. Maka perjuangan untuk membina keluarga yang berjaya ini hendaklah diteruskan.

### Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

#### Saudaraku,

Sepanjang Ramadan kita juga telah berusaha membina daya tahan keimanan dan mempertingkat ketakwaan kita melalui Dengan daya tahan keimanan yang utuh ini, ibadah puasa. seharusnya kita menjadi mukmin yang lebih bertanggungjawab dan lebih perihatin terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita, sekali sedang terutama apa yang dihadapi oleh saudarasaudara kita di belahan lain dunia ini. Namun, kita dalam masa yang sama seharusnya tidak mudah tertipu dengan pelbagai helah dan dakwaan propaganda yang tersebar luas.

Sebagai contoh saudaraku, pada pagi ini kita melantunkan alunan takbir yang merdu, rumah-rumah kita dihiasi kain-kain

langsir yang baru. Pada saat ini, pastinya pelbagai hidangan dan juadah yang enak menanti kita di rumah. Namun, dalam kita bergembira dengan kemeriahan Aidilfitri, kita juga akur dan perihatin akan hal keadaan yang dihadapi sebahagian saudarasaudara muslim kita di Timur Tengah yang menghadapi kesukaran hidup disebabkan konflik yang berlaku di negara mereka.

Kita sedih dan simpati akan keadaan mereka, dan berdoa agar Allah s.w.t. mengurniakan kepada mereka jalan keluar dari kesengsaraan tersebut. Kita juga berdoa agar Allah membantu mereka dalam mencari huraian bagi menamatkan persengketaan yang berlarutan itu. Amin Ya Rabbal Alamin.

Di waktu yang sama saudaraku, sebagai seorang mukmin kita seharusnya pandai membuat pertimbangan bagi segala berita yang kita terima. Dengan ilmu pengetahuan, serta daya tahan keimanan yang telah terbina sepanjang Ramadan, kita seharusnya mampu menapis dan membezakan di antara berita yang benar dari khabar yang tidak sahih serta perbuatan yang tidak berlandaskan firman Allah s.w.t. dan sabda Nabi s.a.w.

Kita amat risau apabila membaca berita ataupun menyaksikan video berkaitan kezaliman yang dilakukan pihak-pihak yang bertelagah. Banyak hal yang bercanggahan dengan apa yang

telah ditetapkan Islam berlaku, disebabkan kefahaman yang salah atau kepentingan agenda tertentu. Lalu perintah untuk berlaku adil dan tidak menzalimi sesiapa walaupun tatkala berada di dalam konflik, tidak lagi diambil kira. Rasul bersabda dalam hadith yang diriwayatkan Abu Dawud yang bermaksud: "Dan janganlah kamu membunuh orang yang telah tua, dan jangan pula (membunuh) anak kecil, dan jangan pula (membunuh) wanita...dan berlaku baiklah, sesungguhnya Allah s.w.t. suka terhadap mereka yang berkelakuan baik".

Bahkan apa yang kita saksikan dilakukan oleh sebahagian pihak yang melaungkan seruan jihad, serta menggunakan nama Islam dan menyeru agar tertubuhnya khilafah Islamiah yang disanggahi oleh para ulama muktabar, adalah perkara yang bercanggahan dengan hukum Islam itu sendiri. Lalu berlakulah keganasan dan pembunuhan sesama sendiri dan terhadap mereka yang tidak berdosa.

# Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Saudara, Saudari rahimakumullah.

Kita seharusnya ingat, bahawa Islam merupakan agama yang mengajak kepada kedamaian serta keamanan, serta menolak dan mengecam sebarang tindakan kezaliman dan pembunuhan. Allah berfirman dalam surah Al-Nisaa' ayat 93:

Yang bermaksud: "Barangsiapa yang membunuh nyawa seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, dia kekal di dalamnya, dan Allah s.w.t. murka terhadapnya, serta melaknatinya dan menyediakan baginya azab yang besar".

Oleh kerana implikasi yang bakal dihadapi setiap masyarakat disebalik sesuatu konflik, Islam telah menetapkan bahawa tiada individu mahupun organisasi yang layak untuk melaungkan seruan jihad sesuka hati dengan menggunakan nama Islam dan muslimin, bertentangan dengan pendirian Syara', kerana seruan jihad hanya layak dibuat oleh para pemimpin negara yang diakui Syara' dan atas sebab-sebab yang juga tidak bercanggah dengan Syara'. Oleh itu, kita seharusnya peka dan bersikap berhati-hati apabila terbaca fatwa-fatwa dan pendapat individu yang menyeru muslimin untuk membunuh yang lain.

#### Saudaraku,

Melalui ilmu yang kukuh dan muktabar, kita akan mampu memastikan bahawa diri kita dan ahli keluarga kita kekal terpandu dengan garispandu agama yang sebenar. Kita juga tidak mudah terpesong dengan pelbagai dakwaan yang tersebar diluar sana, yang menggunakan teks-teks agama yang mereka tafsirkan, mengikut hawa nafsu dan kepentingan peribadi mereka. Ingatlah melalui ilmu pengetahuan agama, Allah s.w.t. mengurniakan kebijaksanaan kepada seorang mukmin. Rasul s.a.w. menyifatkan kebijaksanaan dan sifat peka yang dimiliki setiap individu mukmin, dalam hadithnya yang bermaksud: "Seorang mukmin tidak akan jatuh ke dalam satu lubang dua kali". [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

# Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Ma'asyiral Muslimin rahimakumullah,

Cabaran-cabaran ini dan banyak lagi cabaran yang lain, pastinya merupakan asam garam kehidupan yang perlu dilalui Bahkan bulan Ramadan setiap mukmin. sebenarnva merupakan peluang keemasan bagi seorang mukmin mengumpul dan menyediakan bekalan untuk berhadapan dengan cabaran kehidupan yang pelbagai sepanjang tahun yang mendatang. Pastinya, banyak cabaran menanti sepanjang pengembaraan kita ini bagi menuju matlamat yang kita idamkan

bersama, iaitu rahmat dan syurga-Nya. Atas dasar itu, kita perlu menyediakan bekalan untuk menghadapi cabaran-cabaran ini.

Bekalan yang saya maksudkan itu ialah takwa yang sebenarnya. Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat 197:

Ertinya: "Dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal".

Demikianlah para jemaah sekalian, Ramadan sangat istimewa kerana ia merupakan musim kita mengumpul bekalan takwa. Dan Aidilfitri ini juga sangat istimewa kerana ia adalah hari kita rayakan kejayaan mempertingkatkan ketakwaan di dalam dada. Maka seorang mukmin yang telah berjaya memperoleh bekalan iman dan takwa sepanjang Ramadan, seharusnya menjadi insan yang lebih mulia, lebih baik, lebih hebat budi pekertinya. Beliau lebih mudah memberi kemaafan dari hanya menantikan orang meminta maaf. Dia lebih suka untuk mula untuk berdamai dengan teman atau ahli keluarga yang bersengketa, dari

menanti pihak yang bersengketa dengannya untuk mengorak langkah terlebih dahulu. Nabi bersabda:

لَيْسَ الْوَاصِلُ بِالْمُكَافِئِ وَلَكِنْ الْوَاصِلُ الَّذِي إِذَا قُطِعَتْ رَحِمُهُ وَصَلَّهَا "Orang yang ingin bermaksud: menghubungkan (silaturahimnya) bukanlah dia yang mengharapkan balasan, akan tetapi orang yang menghubungkan (silaturahim itu) ialah apabila orang lain memutuskan dia yang hubungan silaturahimnya, dia akan menyambungkan hubungan tersebut". [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Saudaraku, melalui hadith ini kita memperoleh pengajaran bahawa: Sekiranya kita membalas kebaikan dengan orang yang buat kebaikan terhadap diri kita, ini merupakan satu perkara yang lumrah dan biasa. Akan tetapi yang diminta Rasulullah s.a.w. adalah untuk kita membalas keburukan dengan kebaikan, permusuhan dengan perdamaian, layanan yang buruk dengan keindahan dan keluhuran akhlak.

Maka pada kesempatan hari raya yang mulia ini, maafkanlah kesilapan saudara kita sekiranya ada. Lupakan persengketaan dan perselisihan yang pernah berlaku. Bukankah kita ini benarbenar mengharapkan keampunan Allah s.w.t. terhadap dosa dan kesilapan kita? Sekiranya sedemikian, maka seharusnya kita memulakan langkah yang pertama dengan

saling bermaafmaafan antara kita. Allah berfirman dalam surah Al-Nur ayat ke 22:

Yang bermaksud: "...Hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita kesucian hati serta ketakwaan untuk membina hubungan silaturahim antara keluarga kita insyallah. Semoga kejayaan dan kemenangan kita pada hari ini akan berpanjangan sehingga kita berkesempatan bertemu dengan Ramadan tahun hadapan.

### Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, hanya kepada Mu kami berserah Ya Allah. Kami lemah tanpa Mu Ya Allah, maka perkukuhkanlah kami. Kami berdosa Ya Rahman, maka ampunilah kesilapan kami. Kepada siapa kami akan bermohon

Ya Allah, sekiranya bukan kepada Mu. Engkaulah Yang Maha Esa, Maha Perkasa. Yang Maha Pengampun atas kesalahan hamba-hambanya. Pandangilah kami Ya Allah dengan pandangan rahmat-Mu.

Terimalah segala amal ibadah kami Ya Allah. Engkau panjangkanlah Ya Allah umur kami untuk kami melaksanakan ketaatan kepada Mu.

Jadikanlah kemenangan kami ini penuh bererti, dengan curahan redha dan kasih-Mu yang murni.

Ya Allah Tuhan yang Maha Luas Pengampun-Mu, Ramadan tiba dan telahpun berlalu, namun di sini kami tetap kekal mengharap pimpinan-Mu. Kami mengharapkan keredhaan-Mu, kami mengharap kasih sayang Mu.

Usahlah Engkau pesongkan hati kami setelah beroleh hidayahMu, perlindungan-Mu kami pinta, cinta-Mu untuk kami adalah segala-segalanya.

Lindungilah kami dari segala bentuk kesesatan dan kejahilan, peliharalah keluarga kami dari segala keburukan dan kesengsaraan, dan anugerahkanlah masyarakat kami ini kejayaan, keamanan dan kesejahteraan.

#### Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

بَارَكَ الله لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.

#### Khutbah Kedua 28 Julai 2014 / 1 Syawal 1435

### الله أكبر 7x

الْحَمْدُ اللهِ الَّذِى أَعَادَ الأَعْيَادَ وَكَرَّرَ. أَحْمَدُهُ سُبِحَانَهُ اَنْ خَلَقَ وَصَوَّرْ. وَأَشْهَدُ اَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، خَلَقَ وَصَوَّرْ. وَأَشْهَدُ اَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، شَهَادَةً يَثْقُلُ بِهِ الْمِيْزَانَ فِي الْمَحْشَرْ. اَللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْفَائِزِينَ بِالسَشَّرَفِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْفَائِزِينَ بِالسَشَّرَفِ الْأَفْخَرْ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ الله، إِتَّقُوا الله َحَقَّ تُقَاتِــه ْ وَلاَ تَمُــوتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

وَصَلُّوا عِبَادَ اللهِ عَلَى رَسُولِ الْهُدَى وَخَيْرِ الْـوَرَى فَقَــدْ أَمَرَكُمْ بِذَلِكَ اللهُ وَمَلاَئِكَتَهُ أَمَرَكُمْ بِذَلِكَ الْمُوْلَى جَلَّ وَعَلاَ حَيْثُ قَالَ: إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِي، يَآ أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.
تَسْلِيمًا.

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى رَسُولِكَ الْمُجْتَبَى وَنَبِيِّكَ الْمُصْطَفَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ وَخَيْرِ الْوَرَى. وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَى. أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَى.

اَللَّهُمَّ وَارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينْ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانً وَعَلِي، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينٌ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى يَوْمُ اللِّينْ. يَوْمُ اللِّينْ.

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُومِنِينَ وَالْمُوْمِنِينَ وَالْمُومِنِ اللَّهُمَّ اللَّهُمُ اللَّمُواتُ وَغَافِرُ اللَّهُمُ اللَّهُمُ وَالأَمْوَاتُ إِنَّكَ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ اللَّاعُواتُ وَغَافِرُ اللَّهُمُ الللَّهُمُ اللَّهُمُ الللّهُ الللّهُ اللَّهُمُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ اللَّهُمُ الللّهُ اللّهُ الللّهُ اللللّهُ الللّهُ الللللّهُ الللللّهُ الللّهُ الللّهُ اللللّهُ اللللّهُ الللّهُ ا

عِبَادَ الله، إِنَّ الله يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِى الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغَي يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغَي يَعِظُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ تَذَكَّرُونَ. فَاذْكُرُوا الله الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزَدْكُمْ وَاسْتُلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرْ. وَالله يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونْ. وَالله أَيْعَلَمُ مَا تَصْنَعُونْ.